

# BADAN KAJI SETINGGAN DIBENTUK

Akan meliputi  
seluruh negara  
—Mahathir

**K**UALA LUMPUR, Khamis. — Sebuah jawatankuasa untuk mengkaji sepenuhnya masalah setinggan di negara ini akan dibentuk tidak lama lagi. Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamed, memberitahu hari ini.

Katanya, pembentukan jawatankuasa itu telah dipersetujui oleh Majlis Tanah Negara dalam mesyuaratnya di sini hari ini.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Inilah kali pertama Dr. Mahathir mempengerusikan mesyuarat tersebut sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Beliau berkata, jawatankuasa itu akan dibentuk oleh sekretariat majlis itu dan buat permulaan akan terdiri dari para pegawai saja.

Ia akan mengkaji cara mengatasi masalah setinggan di seluruh negara.

## Dua jenis

Beliau menegaskan terdapat dua jenis setinggan di negara sekarang — di bandar dan luarbandar — yang memerlukan cara yang berlainan untuk mengatasinya.

Setinggan di luarbandar,

dar, menurut Timbalan Perdana Menteri, kebanyakan terdiri mereka yang membuka tanah untuk bercucuk tanam sendiri.

Bagaimanapun, adakalanya, tanah-tanah itu dibuka oleh orang-orang lain atau ahli perniagaan untuk pertanian dan menggajikan orang untuk menjaga dan mengerjakannya.

Manakala masalah setinggan di bandar berlainan. Mereka kebanyakan menduduki tanah secara haram untuk mendirikan rumah.

"Tetapi ada juga antara mereka membuat rumah, haram dan menyewakannya kepada pihak lain dan juga menjualkannya," kata beliau.

Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan tidak boleh menggunakan satu cara saja dalam usaha menyelesaikan



DR. MAHATHIR (dua dari kanan) sedang berucap di mesyuarat Majlis Tanah Negara semalam. Kelihatan dari kiri Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hui, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Haji Mohamed Asri Muda dan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Harun Ariffin. — Gambar Berita Harian.

## Pakar2 diminta buat kajian

### DARI MUKA 1

masaalah setinggan yang berbeza ini.

Setakat ini, tambah beliau, belum ada keputusan muktamad diambil dalam hal ini dan Kerajaan perlu mencari jalan paling sesuai untuk mengatasinya.

Timbalan Perdana Menteri juga memberitahu bahawa majlis itu dalam mesyuarat hari ini bersetuju meminta sebuah badan pakar-pakar mengkaji secara menyeluruh cara menentukan bidang tanah yang ekonomik di negara ini.

Badan pakar ini me-

bung rapat dengan kesuburan tanah.

### Hubungan

"Ia juga mempunyai hubungan dengan kesanggupan tuanpunya tanah mengerjakan tanahnya," kata beliau. Timbalan Perdana Menteri juga memberitahu bahawa pindaan dalam Kanun Tanah Negara sedang dikaji untuk melicinkan lagi pengeluaran hak-milik.

Pada masa ini menurut beliau, memang terdapat peruntukan yang membolehkan pengeluaran hak milik ini, tetapi ramai orang yang berpendapat, perkara ini tidak dapat dilakukan.

nurut beliau, telah pun diminta menyediakan satu kertas kerja mengenai kajian mereka itu untuk dikemukakan kepada majlis di mesyuaratnya akan datang.

Dr. Mahathir kemudian memberitahu bahawa ketika ini terdapat perbezaan pendapat tentang apakah yang merupakan bidang tanah yang ekonomik itu.

Menurut beliau, bidang tanah yang ekonomik bagi sesuatu tanaman tidak semestinya sesuai bagi suatu tanaman yang lain dan masalah ini juga berhu-